

Program Tautan Ukhuwah Ahli MPPP 2019

Pada 23 – 24 Januari 2019, semua ahli Majlis Profesional, Pengurusan dan Pentadbiran (MPPP) telah menyertai Program Tautan Ukhuwah di Jerai Hill Resort, Gunung Jerai, Kedah. Program ini bertujuan untuk mengeratkan lagi ikatan kekeluargaan dan membina kejeleketan antara ahli majlis. Terdapat tiga acara yang dijalankan, iaitu pembinaan pasukan (*team building*), majlis makan malam dan mesyuarat Majlis Profesional, Pengurusan dan Pentadbiran bilangan 1 tahun 2019. Dalam acara pembinaan pasukan, para peserta begitu teruja melaksanakan aktiviti seperti ikatan simpul kasih, ILT (ilmu latihan teknik komunikasi non verbal) dan *creative and critise thinking game*. Beberapa orang ahli majlis juga turut diberi penghargaan untuk berucap dalam majlis makan malam tersebut. Program diakhiri dengan mesyuarat MPPP bilangan 1 tahun 2019 yang merupakan mesyuarat terakhir yang dipengerusikan oleh Datin Pengarah. Semoga program ini akan menjadi kenangan terindah ahli majlis bersama Datin Pengarah yang akan bersara pilihan pada 1 Februari 2019.